



MSM Malaysia catat kerugian suku ketiga lebih besar RM49.76 juta

Oleh BERNAMA - November 21, 2024 @ 9:11pm



MSM Malaysia Holdings Bhd - NSTP/ASYRAF HAMZAH

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM49.76 juta pada suku ketiga yang berakhir 30 September 2024, satu kerugian yang lebih besar berbanding RM36.06 juta pada suku yang sama tahun lalu.

Pengeluar gula bertapis bagi jenama 'Gula Prai' dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini berkata, pihaknya mengaitkan kerugian itu kepada kerugian terjemahan pertukaran mata wang asing sebanyak RM18.77 juta yang dipacu oleh pengukuhan mendadak ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Walaupun kerugian meningkat, MSM mencatatkan perolehan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM861.44 juta pada suku ketiga bagi tahun kewangan 2024, berbanding RM806.72 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu.

"Peningkatan dalam perolehan ini disebabkan oleh purata harga jualan lebih tinggi, insentif yang diterima untuk gula pek tertentu yang dijual di dalam negara dan jumlah jualan lebih tinggi," katanya.

Bagi tempoh sembilan bulan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, MSM mengecilkkan kerugian bersihnya kepada RM40.44 juta, berbanding RM92.76 juta dalam tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan ini disumbangkan oleh margin yang lebih baik daripada harga jualan yang lebih tinggi dan penggunaan kapasiti yang lebih baik.

Perolehan bagi tempoh sembilan bulan pula meningkat kepada RM2.60 bilion, meningkat daripada RM2.14 bilion pada tahun sebelumnya.

Peningkatan itu dipacu oleh purata harga jualan yang lebih tinggi, peningkatan jumlah jualan dan insentif untuk gula pek khusus yang dijual di pasaran domestik.

Melangkah ke hadapan, MSM berkata ia terus memberi tumpuan untuk mengukuhkan pasaran domestik dan eksportnya sewaktu permintaan yang masih stabil selain meneroka peluang di pasaran serantau.

"Kumpulan kekal berwaspada terhadap risiko yang timbul daripada ketegangan geopolitik yang meningkat dan potensi turun naik pertukaran mata wang asing selepas pilihan raya AS, yang mungkin memberi kesan lanjut kepada kos operasi.

"Pihak The Joint Sugar Industry (gabungan industri gula) terus berunding dengan kerajaan untuk memuktamadkan mekanisme penetapan harga yang mampan bagi segmen peruncitan domestik dan kawalan gula bertapis yang diimport.

"Hal ini bagi memastikan keselamatan makanan serta kemampanan jangka panjang industri," kata syarikat itu.

-BERNAMA

HEADLINE	MSM Malaysia catat kerugian suku ketiga lebih besar RM49.76 juta
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	21 November 2024, 9:11pm
BY	-
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/11/1327047/msm-malaysia-catat-kerugian-suku-ketiga-lebih-besar-rm4976-juta